


**CARTA 14**  
**PROSES PENGESAHAN LAFAZ PERCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH**



**Tempoh Masa  
Mahkamah**

- a. Suami atau isteri:-
  - i Serah Borang Permohonan Perceraian yang telah dilengkapkan (mengikut format borang negeri masing-masing).
  - ii Bayar yuran pendaftaran (mengikut kadar ketetapan negeri masing-masing).
  - iii Daftar kes cerai di kaunter.
  - iv Terima tarikh dan masa hadir ke Mahkamah. *(Tarikh untuk suami dan isteri hadir ke mahkamah hendaklah tidak melebihi 21 hari dari tarikh kes didaftarkan).* **(10 minit)**
- b. Mahkamah serahkan saman kepada suami atau isteri (dalam tempoh tidak melebihi 14 hari selepas kes didaftarkan).
- c. Suami dan isteri:-
  - i Hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan
  - ii Bawa bersama dokumen asal seperti berikut:
    - Sijil Nikah atau Sijil Ruju'
    - Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri atau Pasport.
  - iii Berikan keterangan kepada Hakim tentang dakwaan berlakunya lafaz talaq *(Sekiranya suami dan isteri tidak ada persetujuan tentang lafaz, perbicaraan akan dijalankan tidak melebihi 3 bulan).* **(30 minit)**
- d. Hakim berikan keputusan
- e. Mahkamah keluarkan perintah perceraian **(45 minit)**
- f. Suami dan isteri:-
  - i Terima rekod perceraian
  - ii Bawa rekod perceraian dengan SEGERA ke Jabatan Agama Islam untuk daftar cerai
- g. Suami dan isteri:-
  - i Serah rekod cerai kepada Jabatan Agama bersama dokumen asal berikut:-
    - Sijil Nikah atau Sijil Ruju'
    - Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri atau Pasport
    - Perintah Daftar Cerai dan Rekod Perceraian
  - ii Bayar yuran daftar cerai (mengikut kadar yang ditetapkan oleh negeri-negeri)
- h. Jabatan Agama Islam:-
  - i Daftar cerai
  - ii Keluarkan sijil cerai

*\*Nota: Bagi suami atau isteri yang tidak berpuashati atas keputusan Hakim, boleh membuat rayuan ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan*